

BANGUNAN AKADEMIK KUIS DIJANGKA SIAP SEPTEMBER 2019

Bernama News | Berita Dalam Negeri | 09/10/2017 | Author: ISMAIL AMSYAR MOHD SAID | KUIS-BANGUNAN BAHARU

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) – Projek pembinaan bangunan akademik baharu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menelan belanja lebih RM27 juta, dijangka siap pada September 2019.

Menurut kenyataan KUIS hari ini, bangunan tiga tingkat itu boleh menempatkan sehingga 4,254 pelajar pada satu-satu masa.

Ia juga bakal dilengkapi kemudahan bilik tutorial, bilik seminar, bilik pensyarah dan ketua program, makmal komputer dan dewan kuliah yang boleh memuatkan 200 hingga 500 pelajar.

Perpustakaan Imam Al-Syafi'i juga akan dinaik taraf sebagai sebuah gedung ilmu dengan antara lain ruang bacaan lebih selesa dan bilik-bilik kajian.

Pembinaan bangunan akademik baharu dan penaiktarafan perpustakaan itu dilakukan untuk memenuhi keperluan prasarana KUIS bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif, menurut kenyataan itu berhubung projek berkenaan yang bermula dua hari lalu.

-- BERNAMA

IAMS MAM DC